




PEMETAAN DUNIA

Perspektif dari Kartografi Asia

Panduan Pameran

PELAN LANTAI PAMERAN



APA ITU PETA?

Naratif pemetaan atau kartografi sering berpaksi kepada sejarah Barat. Manakala peta Eropah diangkat tarafnya atas dasar tuntutan rasionalisme saintifik dan objektiviti, di Asia pula, konsep dan amalan kartografi yang berbeza telah lama berkembang selama dua milenium. Dari Laut Mediterranean hingga Lautan Pasifik, dunia digambarkan pada peta dengan pelbagai cara. Peta boleh didapati di skrol cetakan blok kayu, lukisan kain, bahan seramik, dan medium lain, yang semuanya berfungsi untuk lebih memahami Asia dan dunia.

Pameran ini menampilkan cebisan sejarah pemetaan Asia yang menarik tetapi kurang diketahui ramai dengan memaparkan peta-peta nadir dan langka dari abad ke-15 hingga awal abad ke-20. Ia meneroka sejarah berkaitan budaya, politik dan keagamaan yang kompleks, serta implikasinya terhadap kuasa dan penguasaan yang telah membentuk warisan kartografi Asia yang kaya.



PLAT DENGAN PETA JEPUN

Jepun, Zaman Edo, 1830-1843

Tembikar Arita biru-dan-putih

Dipinjam dari Koleksi MacLean, Illinois, Amerika Syarikat

Plat peta biru-dan-putih dihasilkan secara eksklusif di tanur Arita di Kyushu, Jepun dari tahun 1820an hingga 1840an. Reka bentuk dan cirinya mencerminkan gaya hiasan asal penduduknya, bukannya motif Cina seperti sebelumnya. Dalam contoh ini, Jepun, yang terdiri dari pulau-pulau Honshu, Shikoku dan Kyushu, terletak di tengah dan dikelilingi oleh enam kawasan darat di sepanjang bahagian tepinya. Ini termasuk negeri rekaan semata seperti Negeri Orang Kerdil dan Negeri Wanita, serta wilayah yang benar-benar wujud seperti Hokkaido dan Ryuku. Peta sedemikian mengesahkan identiti kebangsaan Jepun di waktu ia menghadapi tekanan dari pihak asing untuk membuka negara bagi perdagangan.



KIPAS DENGAN PETA CHINA DAN PETA BEIJING

China, dinasti Qing, abad ke-19

Cetakan blok kayu, diwarnai tangan di atas kertas

Dipinjam dari Koleksi Peribadi, Perancis

Kipas ini memaparkan peta yang terlukis pada lembaran depan dan belakangnya. Di bahagian depan adalah "Peta Lengkap Segala-Di-Bawah-Syurga Kerajaan Qing Bersatu" (大清一统天下全图, *Daqing yitong tianxia quantu*). Peta ini menggambarkan wilayah dinasti Qing, yang telah mencapai keluasan terbesarnya semasa pemerintahan Qianlong. Bahagian belakang pula memaparkan peta Beijing atau "Peta Sembilan Pusat Bandar dan Tujuh Gerbang Kota Luaran dan Lebuhraya" (内九门外七门三街六市街道全图, *Neijiumen waiqimen sanjieliushi jiedao quantu*). Ia menampilkan pintu tembok kota, mercu tanda, jalan-jalan utama dan lorong-lorong (*hutong*) kedua-dua Pusat Bandar dan Kota Luaran.

DUNIA YANG BERBEZA

Kepelbagaian tradisi kartografi di Asia sama seperti kepelbagaian budaya yang berasal dari benua yang luas ini. Konfigurasi peta dunia yang berbeza muncul dari setiap budaya, dibentuk oleh sistem kepercayaan, keadaan geopolitik dan warisan intelektualnya. Ciri-ciri asas peta yang terhasil dalam dunia Islam dapat dikesan dari tradisi Parsi, Yunani, dan India. Sebagai perbandingan, peta di India, dengan gambaran skematik dunia manusia, berdasar pada kosmologi agama-agama yang berasal dari India: Jain, Hindu dan Buddha. Gunung Meru diutamakan oleh ketiga-tiganya sebagai pusat di mana *Jambu-dvīpa*, atau alam manusia itu berada.

Penyebaran agama-agama ini di Asia Timur mempengaruhi kartografi Jepun, khususnya, dalam pemaparan *Jambu-dvīpa* berdasarkan kosmologi agama Buddha. Sementara itu, di Korea, *Cheonhado* atau “Peta Dunia” berasal dari tradisi berbeza yang mencerminkan pandangan dunia berasaskan pengaruh Cina.

Peta tradisional Asia menyediakan pelbagai cara untuk melihat diri, dunia dan juga kawasan yang melepasi batasan dunia tersebut. Cara setiap peradaban melihat dunia boleh disifatkan sebagai dari sudut dunia yang berbeza.

PETA SEMUA NEGARA JAMBU-DVIPA (*NANSENBUSHU BANKOKU SHOKA NO ZU*)

Hotan (1654-1738, penyusun), Bundaiken Uhei (penerbit)


Jepun, zaman Edo, 1710

Peta dilipat, cetakan blok kayu, dakwat di atas kertas

Dipinjam dari Koleksi MacLean, Illinois, Amerika Syarikat

Hotan, seorang pendita dan cendekiawan, berusaha untuk merangkumkan keseluruhan negara yang diketahui pada masa itu ke dalam sebuah peta yang “dapat dipegang di tangan seseorang”, seperti yang terungkap dalam judulnya *Nansenbushu Bankoku Shoka no zu* (南瞻部洲万国掌菓之图).

Menurut kosmologi agama Buddha, empat benua mengelilingi Gunung Meru dan benua di selatan gunung mitos tersebut adalah *Jambu-dvīpa*, tempat tinggal manusia. Dalam peta ini, *Jambu-dvīpa* dipaparkan sebagai merangkumi tempat-tempat yang tercatat dalam kitab Buddha klasik, dan mengambil bentuk yang tidak asing lagi dengan bahagian atasnya lebar dan bahagian bawahnya pula sempit. Peta ini juga menggambarkan pengetahuan geografi Barat dengan memuatkan Eropah, Afrika dan Amerika. Besar kemungkinan ia dipengaruhi oleh peta seorang ahli kartografi Jesuit, Matteo Ricci. Ini merupakan usaha untuk merukunkan pandangan hidup ajaran Buddha yang telah lama wujud dengan pengetahuan baharu berdasarkan ilmu kartografi Barat.



PETA DUNIA IDRISI DARI 1154 (*WELTKARTE DES IDRISI VOM JAHR 1154 N. CH., CHARTA ROGERIANA*)

Salinan faksimili oleh Konrad Miller, Stuttgart, 1928
Dipinjam dari Bibliothèque nationale de France

Ahli ilmu alam berbangsa Arab, Muhammad al-Idrisi (1100–1165) menyelesaikan karya geografinya, *Kitab nuzhat al-mushtaq fi ikhtiraq al-afaq* (“Buku Perjalanan yang Menyenangkan ke Tanah Jauh”) pada tahun 1154. Peta-peta dalam karya ini pada awalnya wujud sebagai 70 bahagian segi empat tepat, dan digabungkan untuk membentuk satu peta dunia, seperti yang ditunjukkan dalam faksimili ini oleh sejarawan kartografi Konrad Miller pada tahun 1928. Peta-peta Al-Idrisi, yang merangkumi wilayah-wilayah di Eropah, Afrika Utara dan Asia, sangat realistik dan jarang terdapat pada masa itu. Dilakarkan mengikut tradisi kartografi Islam, peta komposit ini meletakkan bahagian selatan di sebelah atas peta.

Teks dan peta yang melampirinya juga dikenali sebagai *Book of Roger* dan *Charta Rogeriana* kerana kedua-duanya telah dipesan oleh Raja Roger II dari Sicily. Naskhah dan peta tersebut merakamkan pertukaran pengetahuan geografi dunia Islam dengan pengetahuan orang Eropah pada abad ke-12. Al-Idrisi telah mendapat maklumat secara langsung daripada para sarjana dan pengembara Eropah yang diundang ke istana Raja di Palermo untuk berunding mengenai projek ini. Oleh sebab itu, peta ini dapat memaparkan Eropah, Mediterranean, Afrika Utara dan Asia Barat dengan lebih tepat lagi berbanding bahagian lain di Afrika dan Asia, di mana al-Idrisi telah merujuk kepada karya Ptolemy, *Geography*, yang telah diterjemahkan ke bahasa Arab.





PETA DUNIA DARI KITAB SURAT AL-ARD

**Muhammad ibn Ali al-Nasibi Abu al-Qasim Ibn Hawqal
(kematian 977)**

Abad ke-15

Manuskrip

Dipinjam dari Bibliothèque nationale de France

Kitab surat al-ard (“Buku Tatarajah Bumi”) pertama kali ditulis pada abad ke-10 oleh pengembara dan ahli geografi Arab, Ibn Hawqal. Ia merupakan lanjutan karya *Al-Masalik wa-al-mamalik*, tulisan al-Istakhri, rakan sezamannya. Ibn Hawqal menyemak semula dan membuat tambahan berdasarkan pengetahuan yang diperolehinya daripada para pengembara dan pedagang semasa perjalanannya.

Peta dunia ini menggambarkan benua Asia, Afrika dan Eropah, dengan dunia Islam di tengahnya. Berorientasikan selatan di bahagian atas, peta tersebut mengikuti kelaziman kartografi Islam dan pada masa yang sama menunjukkan pengaruh tradisi Ptolemy. Bentuknya yang bujur mungkin berdasarkan kaedah kedua pemetaan Ptolemy. Pemaparan Sungai Nil juga mencerminkan pengaruh ahli geografi Yunani itu. Beberapa perincian dalam karya Ibn Hawqal tidak terdapat dalam karya Arab sebelumnya. Ini menunjukkan adanya kesedaran mengenai sumber ilmu geografi dari Eropah.



PETA SEGALA DI BAWAH SYURGA (CHEONHADO)

**Dari Haejwado, (“Peta Kiri Laut”), Korea, dinasti Joseon,
abad ke-19.**

Cetakan blok kayu di atas kertas, diwarnai tangan

Dipinjam dari Koleksi MacLean, Illinois, Amerika Syarikat

Kedua peta dunia ini terdapat di dalam buku peta Korea yang umumnya dikenali sebagai *yeojido*, judul yang dipinjam dari tradisi pemetaan Cina iaitu *yudi tu* (輿地图, “Peta Wilayah”). *Cheonhado* menggambarkan dunia dengan dua benua, dalaman dan luaran, yang dipisahkan oleh lautan. Benua dalaman mewakili dunia yang dikenali dengan Cina di tengah dan Joseon (Korea) di sebelahnya. Negara-negara di bawah pengaruh Cina - Jepun, Ryukyu, Annam dan Siam – disertakan juga.

Peta-peta ini diterbitkan semasa zaman Joseon dari abad ke-18 hingga ke-19, ketika ahli kartografi Asia dicabar oleh konsep-konsep Barat mengenai dunia. Setelah lebih 200 tahun Korea mengamalkan dasar pemencilan, *Cheonhado* merujuk ke tradisi lama di mana dunia di bawah pengaruh budaya Cina dikelilingi oleh negeri-negeri yang tidak diketahui. Gambaran sedemikian menjadikan dunia yang luas kurang kompleks dan tidak begitu menakutkan.

EMPAYAR, KERAJAAN DAN KOTA

Sehingga abad ke-20, peta dan amalan pemetaan digunakan untuk tujuan perluasan empayar. Maharaja dan raja mengarahkan agar tinjauan tanah dan projek kartografi dijalankan untuk menetapkan dan mengumumkan tuntutan ke atas kawasan di bawah kuasa mereka. Peta merupakan salah satu alat kekuatan politik dan pemerintahan. Ahli kartografi negara menghasilkan pelbagai peta, termasuk gambaran alam yang bersatu, peta pentadbiran, serta pelan ibu kota dan istana kerajaan yang menjadi pusat kekuasaan politik.

Menjelang abad ke-19, peta menjadi alat penting bagi tujuan penaklukan Asia oleh kuasa asing. Apabila kuasa kolonial Barat melandai Asia, mereka mengumpulkan pelan-pelan kubu, kota dan persempadanan negeri untuk mengumpulkan pengetahuan tentang kawasan dan masyarakat setempat. Peta kolonial kemudiannya dihasilkan setempat oleh penduduk asli, membolehkan penjajah seperti Perancis di Indochina menguruskan tanah jajahan mereka dengan lebih berkesan.



PENJAJAHAN PERANCIS DI VIETNAM DAN KEMBOJA

Peta Khsach-Kandal

Kemboja, Indochina Perancis, 1880an

Tinta dan warna di atas kertas

Dipinjam dari Bibliothèque de l'École française d'Extrême-Orient (Paris)

Perancis mula menakluk kawasan Indochina pada pertengahan abad ke-19. Dari tahun 1858 hingga 1897, Kemboja, Laos, dan juga Vietnam, yang terdiri dari wilayah Cochinchina, Annam dan Tonkin, secara beransur-ansur jatuh kepada tangan Perancis. Istilah Indochina membayangkan pengaruh India dan China tetapi kemudiannya digunakan untuk merujuk kepada kawasan di bawah kuasa Perancis.

Peta-peta ini berasal dari koleksi peta yang dihasilkan oleh golongan elit Kemboja atas perintah pihak berkuasa kolonial Perancis. Mereka dihasilkan mengikut tradisi kartografi India dan Burma, serta cara pemetaan Cina dan Vietnam, di atas kertas yang dibekalkan oleh tentera Perancis.

Peta-peta tersebut, yang menggambarkan kehidupan penduduk tempatan, telah dijumpai baru-baru ini dalam arkib *École Française d'Extrême-Orient* (EFEO, atau *French School of Asian Studies*). EFEO pertama kali ditubuhkan sebagai *Indochina Archaeological Mission* pada tahun 1898 dengan ibu pejabatnya di Hanoi, sebelum mengambil nama sekarang pada tahun 1900.

Terdapat enam peta EFEO dalam pameran ini. Hanya tiga dipamerkan pada masa yang sama sebelum digantikan pada pertengahan jangka pameran.

PETA GEOGRAFI LENGKAP EMPAYAR QING BERSATU ABADI (*DAQING WANNIAN YITONG DILI QUANTU*)

Huang Qianren (黄直人, 1694–1771)

China, dinasti Qing, cetak semula pasca 1815

Gantungan skrol, dakwat biru yang dicetak dengan blok kayu di atas kertas

Dipinjam dari Perpustakaan dan Pusat Maklumat Universiti Bandar Yokohama

Peta ini (大清万年一统地理全图, *Daqing wannian yitong dili quantu*) adalah cetakan semula yang disemak dan diperbesarkan dari “Peta Lengkap Segala-di bawah-Syurga Empayar Qing Bersatu Abadi” (大清万年一统天下全图, *Daqing wannian yitong tianxia quantu*). Peta asal pertama kali dipersembahkan kepada Maharaja Qianlong oleh ahli kartografi Huang Qianren pada tahun 1767.

Peta-peta “Segala-di bawah-Syurga” dihasilkan sebagai alat ideologi untuk mewajarkan dasar-dasar perluasan Qing dan mencatatkan perubahan pentadbiran di kerajaan Manchuria yang semakin berbilang budaya. Peta ini memaparkan bahagian dan unit pentadbiran, masing-masing dengan simbol kartografi mereka sendiri, sempadan dalaman dan negeri-negeri ufti. Ini menandakan penyatuan (一建, *yitong*) kerajaan Qing, yang mencapai tahap paling luas semasa pemerintahan Qianlong (1736-1796).





PETA LENGKAP TERKINI DALAM DAN LUAR IBU KOTA BEIJING (*ZUIXIN BEIJING NEIWAI SHOUSHAN QUANTU*)

Syarikat Penerbitan Ziqiang (自书局)

China, dinasti Qing, c. akhir abad ke-19

Litograf, dakwat di atas kertas dan dipasang pada skrol gantungan
Dipinjam dari Koleksi MacLean, Illinois, Amerika Syarikat

“Peta Lengkap Terkini Dalam dan Luar Ibu Kota Beijing (*最新北京内外首善全图* *zuxin beijing neiwai shoushan quantu*) ini diambil dari peta bandar tertua yang pernah dijumpai - Peta Lengkap Beijing Maharaja Qianlong (*乾隆京城全图*, *Qianlong jingcheng quantu*) yang dihasilkan oleh pegawai Cina Hai Wang (*海望*), pelukis istana Shen Yuan (*海望*) dan mubaligh Jesuit Itali Giuseppe Castiglione pada tahun 1750. Apa yang ditunjukkan di sini adalah keadaan Beijing semasa pemerintahan Maharaja Guangxu (p. 1875-1908), termasuk rumah agam baharu, zon kedutaan dan landasan kereta api di selatan East Chang'an Street.

Peta Beijing biasanya menggariskan empat bahagian bandar utama - Kota Terlarang (*紫禁城*, *Zijincheng*), Kota Diraja (*皇城*, *Huangcheng*), Pusat Kota (*内城*, *Neicheng*), dan Kota Luaran (*外城*, *Waicheng*) - dan mercu tanda penting. Kota Terlarang berpusat di jalan utama utara-selatan di tengah-tengah Beijing, sejajar dengan kepentingan kosmik maharaja, atau “Anak Syurga” (*天子*, *tyanzi*) di mana dunia berputar. Seringkali, bentuk “lubang kunci” ditampilkan. Ia dicipta ketika pemerintahan awal Qing mengalihkan beberapa bahagian di utara dan buat penambahan pada Kota Luaran di bahagian selatan.



PETA BENARES

India, dinasti Mughal, sekitar 1750-1850

Pigmen pada kapas

Dipinjam dari Pusat Warisan India


Peta ini adalah lukisan kain (*pata*) Varanasi, juga dikenali sebagai Benares atau Kashi, salah satu dari tujuh kota suci dalam agama Hindu. Terletak di tebing Sungai Gangga yang suci di Uttar Pradesh, India Utara, lokasi ini menarik para jemaah kerana kuil dan tempat keramatnya, termasuk Kashi Vishwanath Mandir, sebuah kuil yang didedikasikan untuk Dewa Shiva.

Sehingga hari ini, berjuta jemaah Hindu masih bermandi di Sungai Gangga pada waktu matahari terbit untuk membersihkan dosa. Ada jemaah dibakar di tepi sungai, dan abu mereka ditaburkan ke sungai, kerana mereka percaya bahawa pembakaran mayat di Varanasi memungkinkan mereka mencapai pencerahan jiwa dan melepaskan diri dari kitaran penjelmaan semula (*moksha*). Ziarah tahunan ini berpusat di Kashi Vishwanath Mandir, yang digambarkan di barisan pertama menghadap ke sungai dalam lukisan tersebut.

MEMETAKAN PENGEMBARAAN

Dari abad ke-13, laluan darat dan pelayaran kapal telah membawa penjelajah, pedagang, cendekiawan dan penziarah agama ke seluruh Asia dan dunia. Penjelajah seperti pedagang dari Venice, Marco Polo (1254–1324) dan Laksamana Zheng He (1371–1433/35) melintasi Laluan Sutera dan menyeberangi lautan, mengumpulkan pengetahuan ilmu alam yang kemudiannya menjadi penerbitan dan dokumen kartografi.

Peta jadual perjalanan yang terlahir dari pertemuan budaya menjadi alat penting untuk mengemudi perjalanan di darat dan laut. Dari maharaja hingga ke pengembara, peta pelayaran juga secara simbolik memaparkan hubungan antara wilayah, dan merakamkan hubungan manusia dengan tempat-tempat yang penting.



CARTA PENGEMUDIAN CAKERAWALA DARI WU BEI ZHI, BAB 240

Mao Yuanyi (茅元仪; 1594–1640)

China, dinasti Qing, cetakan semula abad ke-19

Cetakan blok kayu, buku berikat dua lembar

Perpustakaan Negara, Singapura

Dermaan Persekutuan Persatuan Klan Cina Singapura

B26078782G

Pertama kali diterbitkan di dalam *Wu Bei Zhi* (武备志) semasa dinasti Ming, peta *Mao Kun* (茅坤图) adalah satu set peta navigasi 40 halaman berdasarkan carta nautika Zheng He (郑和; 1371–1433/35), seorang laksamana Muslim dan eunuk dinasti Ming.

Di bawah pemerintahan Maharaja Yongle (p. 1402–1424), Laksamana Zheng He menerajui tujuh ekspedisi tentera laut antara tahun 1405 dan 1433. Pelayaran diraja Ming ini membuka hubungan perdagangan dari Asia Tenggara ke Lautan Hindi, Teluk Aden, dan pusat perdagangan penting di Timur Tengah seperti Hormuz.

Di sini tertera salah satu daripada empat gambar rajah navigasi maritim cakerawala lintas laut (过洋牵星图, *guoyang qianxingtu*) dari Peta Mao Kun. Mereka meliputi laluan antara Sumatera (苏门答刺, *Sumendala*), Ceylon (锡兰山, *Xilanshan*; sekarang Sri Lanka), dan pulau Indonesia paling utara, Rondo (龙涎屿, *Longxianyu*), yang diberi nama “Pulau Ambergris” dalam bahasa Cina.

PETA DARI LAUTAN (PERSPEKTIF) PENAMPILAN TETAP BINTANG DI LANGIT (XINGYE DINGXIANG FANGYANGZHITU)

China, dinasti Qing, sekitar abad ke-18

Daun album dilipat dan berdakwat, warna di atas kertas

Dipinjam dari Koleksi MacLean, Illinois, Amerika Syarikat

Peta maritim yang dipesan secara peribadi ini (星野定象放洋之图, *xingye dingxiang fangyangzhitu*) menampilkan gambar rajah cakerawala yang dibahagikan kepada 12 bahagian, setiap bahagian melambangkan salah satu daripada 12 arah menurut kompas Cina. Di tengah-tengahnya adalah sebuah jong Cina di laut yang, diapungkan oleh ombak.

Setiap bahagian mengandungi huruf yang memperincikan arah kompas, lokasi dan keterangannya, serta gambaran bintang yang berkaitan dengan arah berkenaan. Cara menentukan masa mengikut tradisi Cina disertakan di luar rajah. Peta ini dibaca berlawanan arah jam, bermula dengan bahagian *zi* (子) (berwarna merah muda) dan diakhiri dengan bahagian *hai* (亥) (berwarna coklat). Sebagai contoh, arah *zi* menunjuk kepada Qiongzhou (直州), yang merujuk kepada Pulau Hainan (海南闻), dan juga buruj Cassiopeia (閣道, *gedao*). Jika dilihat secara keseluruhan, peta maritim ini menyediakan koordinat jong Cina dan meletakkannya tepat di barat laut Filipina, di Laut China Selatan.



PETA ZIARAH KUBUR LELUHUR DIRAJA (MUKDEN-I DEDUN UDEN-I NIRUGAN)

Pejabat Diari Diraja (起居注馆, *Qijuzhuguan*)


China, dinasti Qing, 1778

Peta berlipat akordion, dakwat dan warna di atas kertas

Dipinjam dari Koleksi MacLean, Illinois, Amerika Syarikat

Ditulis dalam Bahasa Manchu dan Mandarin, peta ini merakam secara terperinci lawatan diraja ke timur buat kali ketiga (巡幸, *xunxing*) oleh Maharaja Qianlong (p. 1735–1795) pada tahun 1778. Ia mencatat laluan Qianlong (digambarkan sebagai garis lurus merah bertitik) dan tempat perhentianannya. Judul peta ini dalam Bahasa Manchu boleh diterjemahkan sebagai “Peta stesen-stesen siang dan malam di Mukden”.


Lawatan-lawatan diraja ini mempunyai banyak tujuan termasuk memburu, latihan ketenteraan dan pemeriksaan wilayah Qing. Sama seperti sejarah politik kerajaan di utara, pengembaraan tidak dapat dipisahkan dari orang-orang Manchu yang menaiki wilayah dengan menunggang kuda. Lawatan-lawatan timur ke Mukden (北京, *Shengjing*) yang merupakan tambahan kepada ibu kota Manchu dan pusara diraja klan Aisin Gioro (爱新觉罗, membolehkan raja-raja Qing menunjukkan ketaatan kepada nenek moyang mereka untuk mendapatkan keabsahan bagi pemerintahan mereka. Lawatan-lawatan ini juga berfungsi sebagai pemeriksaan diraja untuk menguatkan pemerintahan Manchu yang bertentangan dengan pemerintahan Han.



Berukuran 608 cm panjang, peta jadual rancangan ini dibaca dari kiri ke kanan.



Gambar jarak dekat permulaan perjalanan: Perjalanan Qianlong bermula di Beijing, dilabel sebagai Gemun Hecen (“Ibu Kota”) dalam Bahasa Manchu.



Gambar jarak dekat destinasi terakhir – Kompleks Peringatan Makam Abad (Yongling, 永陵, Enteheme Munggan)

PERTUKARAN KARTOGRAFI

Sejarah kartografi dicorakkan dengan pertukaran pengetahuan geografi dan amalan pemetaan antara peradaban. Usaha para mubaligh Jesuit untuk membuat peta di Cina dari akhir abad ke-16 hingga awal abad ke-18 menjadi contoh yang menarik. Melalui peta-petanya, Matteo Ricci memberi visi dunia yang baharu kepada Cina, dan meninggalkan kesan berpanjangan ke atas kartografi Cina. Ahli kartografi Jesuit Perancis, dengan kerjasama ahli kartografi Cina, juga melakukan tinjauan seluruh negara Cina, dan menghasilkan *Atlas Kangxi* yang seterusnya memberi kesan besar kepada cara Eropah memandangkan negara Cina pula.

Apabila peta-peta Jesuit sampai ke Jepun, ini turut mempengaruhi kartografi Jepun. Peta Pelbagai Negara di Dunia (坤輿万国全图, *Kunyu wanguo quantu*) yang dihasilkan Ricci adalah salah satu peta yang paling banyak diedarkan di Jepun pada abad ke-17 dan telah melahirkan versi Jepun yang lebih mudah, *Konyo bankoku zenzu*.

Namun, pertukaran silang budaya dalam bidang kartografi juga boleh menyebabkan konflik kerana perbezaan pendapat dan pandangan hidup. Peta Jesuit mendapat reaksi bercampur di Asia Timur, kerana ia mencabar pandangan menurut pengaruh Cina dan kosmologi agama Buddha yang telah lama dipegang.



PETA CINA, TARTARI CINA DAN KERAJAAN COREA DARI *THE GENERAL HISTORY OF CHINA: CONTAINING A GEOGRAPHICAL, HISTORICAL, CHRONOLOGICAL, POLITICAL AND PHYSICAL DESCRIPTION OF THE EMPIRE OF CHINA...*, JILID 1

(Peta) Jean-Baptiste Bourguignon d'Anville (1697-1782)

(Buku) Jean-Baptiste Du Halde (1674-1743)

London: J. Watts, 1739

Koleksi Perpustakaan Negara Singapura

B29265401G

Pada awal abad ke-18, Maharaja Kangxi menugaskan para mubaligh Jesuit Perancis untuk melakukan tinjauan ke atas kerajaan Cina. Dalam satu dekad dari 1708 hingga 1717, para mubaligh Jesuit Perancis dan Eropah yang lain, bekerjasama dengan rakan-rakan mereka dari Cina, telah menghasilkan satu atlas ilmiah yang lengkap berdasarkan tinjauan mereka yang dikenali sebagai *Huangyu quanlan tu* (皇輿全覽圖, "Peta Gambaran Keseluruhan Wilayah Diraja"), atau Atlas Kangxi.

Maklumat dari atlas tersebut tersebar ke Eropah. Di Perancis, sejarawan Jesuit Jean-Baptiste du Halde mengumpulkan laporan para mubaligh dan menugaskan ahli kartografi diraja Jean-Baptiste Bourguignon d'Anville untuk membuat peta dan menyusunnya menjadi sebuah penerbitan ensiklopedia pada tahun 1735. Terjemahan Bahasa Inggeris oleh Richard Brookes (1739) dipaparkan dalam pameran ini.

PETA PELBAGAI NEGARA DI DUNIA (*KONYO BANKOKU ZENZU*)

Jepun, zaman Edo (1603-1867), tarikh tidak diketahui
Manuskrip peta dilipat, dakwat dan warna di atas kertas
Dipinjam dari Perpustakaan dan Pusat Maklumat Universiti Bandar Yokohama

Peta dunia Matteo Ricci tahun 1602, *Kunyu wanguo quantu* (坤輿万国全图) memperkenalkan amalan pemetaan dunia Eropah kepada kerajaan Ming dan Asia Timur. Salinan peta telah dihantar ke Jepun dan diadaptasikan, seperti yang ada di pameran ini. Peta Ricci diedarkan secara meluas di Jepun dan sangat mempengaruhi kartografi dan pemikiran kosmologi Jepun.

Walaupun adaptasi Jepun ini mempunyai judul yang sama dengan yang asli kepunyaan Ricci, ia adalah versi yang lebih ringkas. Perbandingan dengan *Kunyu wanguo quantu* menunjukkan bahawa ia berkongsi ciri-ciri utama seperti lingkaran latitud utama; lima benua dan batasan negara; serta banyak penerangan geografi dan sosio-budaya dari pelbagai negara. Walaupun data teks dalam peta ini ditulis dalam bahasa Cina, skrip katakana mengiringi kebanyakan nama tempat.

Diwarnai dengan tangan, kemungkinan besar *Konyo bankoku zenzu* adalah satu hiasan yang juga mempunyai fungsi intelektual. Sebaliknya, peta asal Ricci, cetakan blok kayu monokromatik, sangat terperinci, penuh maklumat dan tidak dihias. Ia juga mengandungi lebih banyak data daripada versi Jepun ini.





PETA LENGKAP SEMBILAN BANDAR SEMPADAN, NEGARA, KEHADIRAN MANUSIA, DAN LALUAN PERJALANAN SEGALA DI BAWAH SYURGA (*TIANXIAJIUBIAN WANGUORENJI LUCHENG QUANTU*)

Wang Junfu (王君甫)

Suzhou, Dinasti Qing, 1663

Peta dilipat, cetakan blok kayu, diwarnai tangan di atas kertas
Dipinjam dari Perpustakaan dan Pusat Maklumat Universiti Bandar
Yokohama

Di hujung era dinasti Ming, para mubaligh Jesuit membawa ke negara Cina konsep dunia yang terdiri daripada lima benua. Peta ini (天下九边万国入迹路程全图) adalah salah satu peta dunia hibrid yang menggabungkan kedua-dua model kartografi tradisional Cina dan Eropah.

Negara Cina dianggap sebagai dunia atau “Segala di Bawah Syurga”. Maka itu ia memenuhi sebahagian besar peta ini. Ia memaparkan secara terperinci bahawa Cina terdiri dari dua ibu kota (Nanjing dan Beijing) dan 13 wilayah dinasti Ming (1368-1644), walaupun peta itu diterbitkan semasa pemerintahan Kangxi, Maharaja Qing (p. 1661-1722). Kawasan asing dianggap sebagai daerah kecil dan tidak penting, dilukis di pinggir peta. Ini termasuk Eropah dan Asia Barat (kiri atas), Afrika (kiri tengah), Amerika Utara (kanan atas) dan Amerika Selatan (kanan bawah). Beberapa tempat mitos seperti Negara Wanita dan Negara Gergasi juga dimuatkan – satu warisan teks geografi kuno *Shanhaijing* (山海经, “Klasik Pergunungan dan Laut”).



PETA NAGASAKI, WILAYAH HIZEN (*HIZEN NAGASAKIZU*)

Kojudo (耕寿堂, edisi pertama), *Baikodo* (梅香堂, edisi yang disemak semula)

Nagasaki, zaman Edo, pertengahan abad ke-19

Peta dilipat, cetakan blok kayu, berwarna di atas kertas
Dipinjam dari Koleksi Peribadi, Perancis

Peta Nagasaki ini tergolong dalam jenis cetakan blok kayu yang disebut *Nagasaki-e*, yang popular pada zaman Edo. Peta sedemikian sering menggambarkan pemandangan kota pelabuhan yang turut merangkumi orang atau benda asing, sebagai memenuhi rasa ingin tahu masyarakat Jepun semasa zaman dasar pemencilan negara.

Kawasan yang digambarkan merangkumi pulau Dejima, kota dan pelabuhan Nagasaki, serta gunung di seberang pelabuhan. Dejima dibina pada tahun 1634 sebagai sebahagian daripada dasar pemencilan Jepun untuk menempatkan kehadiran orang Barat (terutamanya Belanda) di pulau buatan itu dan menyekat orang asing dari tanah besar Jepun. Syarikat Hindia Timur Belanda menubuhkan pusat perdagangan di Dejima, yang kemudiannya menjadi pusat Pengajian Belanda, atau *Rangaku*, di Jepun. Perdagangan Belanda termasuk mengiriskan sejumlah besar peta, carta dan glob Eropah ke Jepun, yang digunakan oleh pembesar feodal dan pemerintah Edo.

TERIMA KASIH KERANA MENGUNJUNGI PAMERAN INI.



Sila kunjungi www.go.gov.sg/mtw
untuk maklumat lanjut mengenai
pameran ini.



Sila kunjungi
www.go.gov.sg/mtwprogs
untuk senarai penuh program,
bengkel dan lawatan berpandu.

Disampaikan oleh:



Dengan kerjasama:



Bersama dengan:



Disokong oleh:

TEMASEK

TK TIKEHAU
CAPITAL